

# KENYATAAN AKHBAR Pengerusi SPPP UNTUK EDARAN SEGERA



## Pengumuman Penting Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

### **Pangkalan Kontena Butterworth Utara Menjadi Zon Perdagangan Bebas Mulai 1 Februari 2021**

Pulau Pinang, 29 Februari - Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang Datuk Tan Teik Cheng mengumumkan berita baik bahawa Pangkalan Kontena Butterworth Utara akan diwartakan sebagai Zon Perdagangan Bebas mulai 1 Februari 2021.

Datuk Tan Teik Cheng menyampaikan berita gembira ini kepada rakyat Pulau Pinang pada hari ini. Beliau berharap agar Pelabuhan Pulau Pinang dapat berkembang maju di peringkat antarabangsa dan menjadi pilihan pertama para pelabur asing.

"Dengan usaha Menteri Pengangkutan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Kewangan YB Dato' Sri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz akhirnya bersetuju mewartakan Pangkalan Kontena Butterworth Utara sebagai Zon Perdagangan Bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990."

Beliau mengatakan bahawa Zon Bebas terbahagi kepada Zon Perdagangan Bebas untuk menjalankan aktiviti perdagangan dan komersil manakala Zon Perindustrian Bebas dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pengilangan. Pewartaan Pangkalan Kontena Butterworth Utara sebagai Zon Perdagangan Bebas dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan tempatan dan mendorong industri pembuatan domestik.

"Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Penang Port Sdn. Bhd. akan berusaha meningkatkan perkhidmatan pelabuhan supaya dapat menarik lebih banyak pelabur asing untuk mengguna pelabuhan Pulau Pinang serta menarik syarikat asing untuk menubuhkan kilang di Pulau Pinang. Syarikat asing dapat menggunakan kemudahan yang disediakan di Zon Perdagangan Bebas dan seterusnya dieksport semula ke luar negara. Oleh kerana mereka dapat menikmati perkhidmatan tanpa bayaran duti kastam, duti eksais, cukai jualan atau cukai perkhidmatan kecuali bagi barang tertentu di bawah Perintah Zon Bebas (Pengecualian ke atas barang-barang dan perkhidmatan) 1998, barangan yang dieskport dijangkakan pada harga yang lebih rendah. "

Beliau berjanji bahawa Zon Perdagangan Bebas akan mengambil langkah-langkah komprehensif untuk menarik para pelabur asing datang mengembangkan sektor perdagangan di zon tersebut.

## **KENYATAAN AKHBAR PENERUSI SPPP UNTUK EDARAN SEGERA**

"Oleh kerana Zon Perdagangan Bebas menyediakan kemudahan komersil, termasuk perkhidmatan penghantaran dan penyimpanan yang cekap serta dasar pemberian insentif, diyakini banyak pelabur dari seluruh dunia akan datang ke sini untuk menjalankan aktiviti - aktiviti nilai tambah yang dibenarkan seperti memecah pukat, menggred, pembungkusan semula, melabel semula, transit dan mengeksport semula."

**DATUK TAN TEIK CHENG,  
PENERUSI  
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG  
29 JANUARI 2021**

**-TAMAT-**

---

**Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)  
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal,  
No. 1A, Pesara King Edward, 10300  
George Town, Pulau Pinang**

**Pertanyaan Media**

**Unit Khidmat Korporat, SPPP**

Tel +604 263 3211

Faks +604 263 2623